

Manhaj Ithbat Ulama Salaf dalam Berinteraksi dengan Sifat Khabariyyah Menurut Penjelasan Imam Abu Al-Hasan Al-Ash`ari

[Manhaj Ithbat Salaf Scholars in Interacting with Characteristics of Khabariyyah According To The Explanation Of Imam Abu Al-Hasan Al-Ash`Ari]

Mohd Saiba Yaacob¹, Syed Hadzrullathfi Syed Omar² & Engku Ibrahim Engku Wok Zin³

1. (Corresponding Author) Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia. E-mail: mohdsaiba69@gmail.com
2. Usuluddin Study Centre, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: sylutfi@unisza.edu.com
3. Usuluddin Study Centre, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: ibrahim@unisza.edu.com

ABSTRACT

The works in the field of belief produced by Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari (Imam al-Ash`ari) have been used as an essential reference by Islamic scholars to understand the exact method of interacting with Sifat Khabariyyah. Referring specifically to the book of al-Ibanah and Maqalat al-Islamiyyin, Imam al-Ash`ari explained that Ithbat is a method that has been adopted by the Companions RA, Tabi`in and Ahl al-Hadith. The problem that arises is that Islamic scholars have different opinions when discussing the concept of Ithbat according to the perspective of Salaf scholars, whether they have the concept of Tafwid al-Kayfiyyah or the concept of al-Ithbat bi La Kayf. Therefore, this study aims to discuss the concept of Ithbat and the characteristics of the method of Ithbat of Salaf scholars according to the explanation of Imam al-Ash`ari. Using a document analysis approach, a literature review was used to conduct a qualitative study. The findings indicated that the Salaf scholars' Ithbat method is based on the concept of al-Ithbat bi La Kayf, which is explained by Imam al-Ash`ari. One of its main features is that it teaches the Sifat Khabariyyah's external meaning as worthy of Allah SWT by rejecting the existence of kayfiyyat (form, appearance, characteristics, and manner), without interpretation, without ta'wil (representation), without tamthil (equalisation), without tashbih (simulation), and denying the Sifat al-huduth (new attributes) like location, mass, movement, and displacement. All at once, the findings of this study challenge the validity of the Tafwid al-Kayfiyyah method, which establishes the existence of certain kayfiyyat for the Dhat and Nature of Allah SWT and refuses to deny the new attributes.

Keywords: *Sifat Khabariyyah, Salaf method, al-Ithbat bi La Kayf, Tafwid al-Kayfiyyah, New Attributes*

ABSTRAK

Karya-karya dalam bidang akidah yang dihasilkan oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari (Imam al-Ash`ari) telah dijadikan rujukan penting oleh para sarjana Islam untuk memahami manhaj yang sahih dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*. Merujuk secara khusus kepada kitab *al-Ibanah* dan *Maqalat al-Islamiyyin*, Imam al-Ash`ari menjelaskan bahawa Ithbat merupakan manhaj yang telah diterima pakai oleh para Sahabat RA, Tabi`in dan Ahl al-Hadith.

Permasalahan yang timbul ialah para sarjana Islam telah berbeza pendapat ketika membincangkan tentang manhaj *Ithbat* (metode pengisbatan sifat-sifat Allah SWT) menurut ulama Salaf sama ada berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah* ataupun berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf*. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan tentang konsep *Ithbat* dan ciri-ciri manhaj *Ithbat* ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari. Kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan metode kualitatif melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa manhaj *Ithbat* ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari adalah berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf*, di mana antara ciri-ciri utamanya ialah mengisbatkan pengertian zahir Sifat Khabariyyah sebagaimana yang layak bagi Allah SWT tanpa tafsiran, tanpa *ta`wil* (takwilan), tanpa *tamthil* (penyamaan), tanpa *tashbih* (penyerupaan), tanpa *kayfiyyat* (bentuk, rupa, ciri dan cara) serta menafikan *Sifat al-Huduth* (sifat-sifat baharu) seperti jisim, anggota, tempat dan perpindahan tempat. Sekali gus, dapatan kajian ini berbeza daripada manhaj *Ithbat* berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah* yang mengisbatkan kewujudan *kayfiyyat* bagi Zat dan Sifat Allah SWT dan enggan untuk menafikan *Sifat al-Huduth*.

Kata Kunci: Sifat Khabariyyah, Manhaj Salaf, al-Ithbat bi La Kayf, Tafwid al-Kayfiyyah, Sifat al-Huduth

How to Cite:

Received	: 29-08-2023	Mohd Saiba Yaacob, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, & Engku Ibrahim
Accepted	: 07-10-2023	Engku Wok Zin. (2023). Manhaj Ithbat Ulama Salaf dalam Berinteraksi
Published	: 29-11-2023	dengan Sifat Khabariyyah Menurut Penjelasan Imam Abu Al-Hasan Al-Ash`ari. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 91-110

1. Pendahuluan

Apa yang dimaksudkan dengan *Sifat Khabariyyah* ialah sifat-sifat Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih serta diterima dengan ijmak ulama Salaf seperti sifat *istiwa`*, *wajh*, *yad*, *`ayn* dan *nuzul* (al-Ash`ari, 2010; al-Bayhaqi, 1999, Ibn `Asakir, 2017). Sehubungan dengan itu, Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari (Imam al-Ash`ari) telah membincangkan tentang manhaj Salaf dalam berinteraksi dengan sifat-sifat di atas khususnya menerusi kitab *al-Ibanah* (al-Ash`ari, 2010), *Maqalat al-Islamiyyin* (al-Ash`ari, 2009) dan *Risalah ila Ahl al-Thaghr* (al-Ash`ari, 2002).

Menerusi kitab *al-Ibanah* contohnya Imam al-Ash`ari (1998: 14; 2010: 43) menjelaskan bahawa manhaj akidah beliau adalah berteraskan kepada al-Quran dan *al-Hadith* serta apa yang telah diriwayatkan daripada para Sahabat RA, Tabi`in dan *A`immah al-Hadith* (tokoh-tokoh ahli hadis terawal). Data-data yang terkandung dalam kitab *al-Ibanah* seterusnya menjelaskan bahawa Imam al-Ash`ari (Ibn `Asakir, 2017: 125, 127, 128) telah menerima pakai manhaj *Ithbat* ketika berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* seperti *istiwa`* (tertinggi), *wajh* (muka), *yad* (tangan), *maji`* (datang), *ityan* (tiba), *nuzul* (turun) dan *qurb* (dekat).

Antara permasalahan yang timbul ialah para sarjana Islam terkemudian telah berbeza pendapat dalam memperkatakan tentang manhaj *Ithbat* yang diterima pakai oleh para ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari. Menurut Imam Ibn Taymiyyah (2000: 213), manhaj *Ithbat* yang berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah* merupakan satu-satunya manhaj yang telah disepakati oleh semua ulama Salaf, di mana ia juga merupakan manhaj terakhir Imam al-Ash`ari.

Berbeza dengan pendirian Imam Ibn Taymiyyah di atas, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi (2005: 82) pula menjelaskan bahawa para ulama Salaf telah pun menerima pakai tiga manhaj yang berbeza iaitu *Tafwid al-Ma`na*, *Ta`wil* dan *al-Ithbat bi La Kayf*. Menerusi penjelasan tersebut, al-Qaradawi telah mengisyaratkan bahawa aliran *Ithbat* ulama Salaf adalah berkonsep *al-Ithbat bi La Kayf*, bukannya berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah*.

Al-Qaradawi (al-`Asri, 2010:14) turut menjelaskan bahawa perbezaan pendapat dalam memperkatakan manhaj Salaf adalah masih berlanjutan sehingga ke hari ini. Ini kerana manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* yang menolak aliran *Tafwid* telah diteruskan oleh sebilangan sarjana Islam terkemudian dalam kalangan Hanabilah seperti Muhammad bin `Abd al-Wahhab (2013), Hafiz Ahmad al-Hakami (2017), Muhammad Khalil Harras (2021), Muhammad bin Salih al-`Uthaymin (2012), `Abd al-Rahman bin Nasir al-Barrak (2006) dan ramai lagi.

Bertolak daripada perbezaan pendapat di atas, kajian ini hanya akan membincangkan tentang konsep *Ithbat* dan ciri-ciri *Ithbat* ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari. Kajian ini penting untuk dilakukan kerana ia dijangka akan dapat memberi penjelasan tentang kewujudan aliran *Ithbat* berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf* yang memiliki beberapa aspek perbezaan berbanding aliran *Ithbat* berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah*, dan sekali gus dapat memberi pencerahan awal untuk mengenal pasti titik persamaan antara aliran *Ithbat* ulama Salaf dan aliran *Tafwid* ulama Asha`irah yang tertegak di atas prinsip memberi perakuan terhadap kewujudan konsep *ta`wil ijmalī* dan *ta`wil tafsilī* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*.

2. Sorotan Literatur

Sejak beberapa dekad yang lalu, terdapat sebilangan sarjana Islam yang telah membincangkan tentang manhaj Imam al-Ash`ari dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*. Kajian Dr. Johari bin Mat (2009) contohnya menyatakan bahawa manhaj Imam al-Ash`ari yang terakhir adalah bertunjangkan kepada aliran *Ithbat* yang berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah*. Sementara kajian Ahmad Mukhlis al-Rawi (2013: 125-139) pula menjelaskan bahawa Imam al-Ash`ari telah memperjuangkan aliran *Tafwid* yang bersifat pertengahan antara mazhab Muktazilah yang menta`tilkan (menafikan) segala sifat Allah SWT dan mazhab Karramiyyah yang mengisbatkan pelbagai sifat Allah SWT secara *tashbih* dan *tajsim*.

Manakala kajian Mohd Haidar Kamarzaman (2019) pula hanya membincangkan tentang kesinambungan yang wujud antara akidah Salaf dan akidah Imam al-Ash`ari dalam mengisbatkan sifat Allah SWT tanpa membincangkan tentang konsep *Ithbat* yang telah diterima pakai oleh ulama Salaf sama ada berpaksikan *al-Ithbat bi La Kayf* ataupun bertunjangkan *Tafwid al-Kayfiyyah*. Sementara kajian Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat (2019) pula membincangkan tentang peranan dan kejayaan Imam al-Ash`ari dalam mempertahankan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* daripada serangan pelbagai aliran yang menyeleweng khasnya Muktazilah, di mana al-Ash`ari telah berjaya membentuk metodologi pendalilan tersendiri dalam perbincangan akidah berdasarkan dalil *naqli* dan dalil *`aqli*. Perbincangan yang sama telah diperincikan oleh Muhammad Rashidi Wahab (2019) dalam tesis beliau bertajuk “Pendalilan Mantiq al-Ash`ari dalam Akidah Ketuhanan” menyimpulkan bahawa legasi pemikiran Imam al-Ash`ari yang kemudiannya diteruskan oleh al-Ghazali, al-Sanusi, al-Buti, Tuan Minal dan para ulama Asha`irah yang lain telah menyumbang kepada pengukuhan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Setelah menyoroti kajian-kajian di atas, pengkaji belum menjumpai satu pun kajian yang membincangkan secara khusus tentang konsep *Ithbat* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* menurut penjelasan Imam al-Ash`ari. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang konsep *Ithbat* dan ciri-ciri *Ithbat* ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari dengan merujuk kepada karya-karya Imam al-Ash`ari dan juga karya-karya sebilangan *Ahl al-Hadith* terkemudian seperti Imam al-

Bayhaqi dan Imam Ibn al-Qayyim yang telah membincangkan tentang manhaj Imam al-Ash`ari menerusi topik tertentu dalam karya masing-masing.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif berasaskan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data. Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan merujuk kepada karya-karya Imam al-Ash`ari khasnya kitab *al-Ibanah*, *Maqalat al-Islamiyyin* dan *Risalah ila Ahl al-Thaghr*, dan sebilangan karya ulama terkemudian khasnya dalam kalangan *Ahl al-Hadith* seperti Imam al-Bayhaqi, Ibn Kathir dan al-Hafiz Ibn Hajar al-`Asqalani.

Kaedah penganalisaan data pula merangkumi kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Kaedah induktif digunakan dalam menganalisis data-data yang khusus dan terperinci yang diperolehi daripada karya-karya Imam al-Ash`ari bagi mengenal pasti manhaj *Ithbat* yang diterima pakai oleh ulama Salaf dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* seperti *wajh*, *yad* dan *nuzul*. Kaedah deduktif pula digunakan dalam merumuskan ciri-ciri manhaj Salaf berpanduan kepada data-data yang terkandung dalam karya Imam al-Ash`ari dan juga karya sebilangan *Ahl al-Hadith* terkemudian. Kaedah komparatif pula digunakan untuk menjelaskan perbezaan antara aliran *Ithbat* yang berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf* berbanding aliran *Ithbat* yang berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah* dan beberapa isu yang berkaitan dengan dua konsep *Ithbat* tersebut.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Di bawah ini ialah laporan dan perbincangan tentang tiga isu sahaja berkaitan kajian ini iaitu:

4.1 Perbezaan Antara *Tafwid Al-Kayfiyyah* dan *Al-Ithbat bi La Kayf*

Secara umumnya, apa yang dimaksudkan dengan manhaj *Ithbat* yang berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah* ialah manhaj yang mengisbatkan adanya *kayfiyyat* iaitu bentuk, ciri (Azwira, 2011: 31), rupa (Abid, 2014: 57) dan cara (Ismail, 2017: 191) yang tertentu bagi Zat dan Sifat Allah SWT, cumanya *kayfiyyat* tersebut mesti ditafwidkan (diserahkan) kepada Allah SWT secara total kerana ia merupakan *kayfiyyat* yang layak bagi zat Allah SWT dan hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja (Ibn Taymiyyah, 1993: 133).

Dari segi istilah, apa yang dimaksudkan dengan manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* menurut penjelasan Imam Ibn Taymiyyah ialah (Harras, 2021: 49):

وَمِنَ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ الْإِيمَانُ بِمَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ فِي كِتَابِهِ، وَبِمَا وَصَفَهُ بِهِ رَسُولُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ غَيْرِ تَحْرِيفٍ وَلَا تَعْطِيلٍ، وَمِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَمَثِيلٍ.

Terjemahan: Dan antara (tuntutan) beriman kepada Allah SWT ialah beriman dengan apa (iaitu *sifat khabariyyah*) yang Dia (Allah SWT) telah mensifatkan zatNya sendiri dalam kitabNya (al-Quran), dan (beriman) dengan apa (iaitu *sifat khabariyyah*) yang Rasul-Nya (Nabi Muhammad) SAW telah mensifatkanNya tanpa *tahrif* dan tanpa *ta`til*, serta tanpa *takyif* dan tanpa *tamthil*.

Melalui pernyataan di atas, Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa sebahagian daripada tuntutan beriman kepada Allah SWT ialah beriman kepada semua *Sifat Khabariyyah* menurut pengertian hakiki bertunjangkan kepada empat prinsip iaitu tanpa *tahrif* (mengubah lafaz atau mengubah pengertian hakiki dengan cara mentakwilnya dengan *ta'wil tafsili*), tanpa *ta'til* (menafikan pengertian hakiki dengan cara mentafwidkan pengertiannya kepada Allah SWT dan kepada Rasulullah SAW), tanpa *takyif* (menyatakan bentuk dan ciri-ciri sesuatu sifat Allah) dan tanpa *tamthil* (menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk) (al-Hakami, 2017; `Uthaymin, 2012: 39; Harras, 2021).

Merujuk kepada penjelasan di atas, Imam Ibn Taymiyyah telah menegaskan bahawa penerimaan terhadap manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* adalah mesti disertakan dengan prinsip tanpa *takyif* (مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ) iaitu tanpa disertakan dengan tindakan membincangkan tentang *kayfiyyat* sama ada dengan hati mahupun dengan lisan (al-`Uthaymin, 2013: 667) kerana tindakan sedemikian adalah dilarang sama sekali.

Dalam memperjuangkan manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah*, Imam Ibn Taymiyyah (al-`Uthmani, 2010: 24) bukan sahaja menolak manhaj *Ta'wil* secara total bahkan turut membuat penegasan bahawa manhaj *Tafwid al-Ma'na* merupakan antara seburuk-buruk pendapat ahli bidaah dan golongan ateis (مِنْ شَرِّ أَقْوَالِ أَهْلِ الْبِدْعِ). Sehubungan dengan itu, Imam Ibn Taymiyyah (t.t: 44-52) menegaskan bahawa pengertian nas al-Quran dan *al-Hadith* yang berkaitan *Sifat Khabariyyah* adalah bersifat *muhkamat* dan menerima pakai pengertian hakiki yang selayaknya bagi Allah SWT adalah satu kemestian. Bertolak dari situ, Imam Ibn Taymiyyah (2006, 5: 162) telah mengisbatkan bahawa Allah SWT berada di atas arasy yang terletak di atas langit ketujuh dan seseorang diharuskan mengisyaratkan ke langit untuk mengisbatkan keberadaan Allah SWT di atas arasy.

Antara permasalahan yang timbul ialah sekalipun pada zahirnya Imam Ibn Taymiyyah (2006, j. 5: 162-163) mengambil sikap untuk tidak mengisbatkan dan tidak juga menafikan “tempat” bagi Allah SWT, namun secara tersiratnya beliau lebih cenderung untuk mengisbatkan bahawa Allah SWT adalah bertempat di atas arasy. Sebagai contoh, Imam Ibn Taymiyyah (t.t: 49) mengatakan bahawa keberadaan Allah SWT di atas arasy adalah berlaku secara hakiki iaitu zatNya berada di atas zat arasy. Imam Ibn Taymiyyah (2021: 208) turut menyatakan bahawa Allah SWT berada di tempat yang sangat jauh sehingga tidak dapat dilihat oleh sesiapa pun.

Selain itu, Imam Ibn Taymiyyah (2001: 78) turut menjelaskan bahawa Allah SWT yang bersifat *al-Hayy al-Qayyum* (Yang Tetap Hidup dan Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhlukNya) akan melakukan apa yang Dia kehendaki, di mana Dia akan bergerak apabila Dia kehendaki, dan Dia juga akan turun dan akan naik apabila Dia kehendaki, Dia menggenggam dan membuka (telapak tanganNya) serta akan berdiri dan akan duduk apabila Dia kehendaki.

Berbeza daripada konsep *Tafwid al-Kayfiyyah* yang dihuraikan oleh Imam Ibn Taymiyyah di atas, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi pula menjelaskan bahawa manhaj *Ithbat* ulama Salaf adalah berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf* iaitu mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT berserta dengan menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara total daripada Zat dan Sifat Allah SWT. Sebagai buktinya ialah ketika membincangkan tentang konsep *al-Ithbat bi La Kayf* dari segi istilah, al-Qaradawi (2005: 60) menjelaskan:

إثْبَاتُ الصِّفَاتِ الْمُتَشَابِهَاتِ عَلَى ظَوَاهِرِهَا - كَمَا جَاءَتْ - لِلَّهِ تَعَالَى مَعَ نَفْيِ لَوَازِمِهَا الْمَفْهُومَةِ مِنْهَا عِنْدَ الْإِطْلَاقِ مِنَ الْجِسْمِيَّةِ أَوْ التَّرْكِيبِ أَوْ التَّحْيِيزِ فِي جِهَةٍ ... الخ.

Terjemahan: Mengisbatkan *Sifat Mutashabihat* menurut pengertian zahirnya – sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan *al-Hadith al-Sahih*) – bagi Allah Ta'ala berserta menafikan perkara-perkara lazim yang difahami daripadanya (pengertian zahir tersebut) ketika digunakan secara *itlaq* (tanpa sebarang keterangan) seperti berjisim ataupun tersusun dari bahagian dan anggota ataupun mengambil tempat di sesuatu arah ... dan seterusnya.

Konsep *al-Ithbat bi La Kayf* menurut penjelasan di atas mengandungi tiga prinsip. **Pertama**, *Sifat Khabariyyah* telah dimasukkan dalam kategori *mutashabihat*, bukannya *muhkamat*. **Kedua**, menerima pakai pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* yang terkandung dalam ayat-ayat yang *sarih* dan hadis-hadis sahih seperti *Wajh* (wajah), *Yad* (tangan) dan *Nuzul* (turun) tanpa sebarang tafsiran (al-Bayhaqi, t.t: 446). **Ketiga**, menafikan perkara-perkara yang biasa difahami daripada pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* seperti bertempat, berjisim, beranggota, turun dari atas ke bawah, naik dari bawah ke atas, *hulul* dan *ittihad* (al-Ghazali, 1994, j. 1: 117-118; al-Husayni, 2005: 7-44; al-Husayni, 2012: 3-213).

Kajian ini mendapati bahawa penjelasan al-Qaradawi yang menafikan *kayfiyyah* daripada Zat dan Sifat Allah SWT adalah bertepatan dengan frasa (بَلَا تَشْبِيهِ وَلَا كَيْفِيَّةٍ) yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah (2007: 176; 2015: 249) ketika membincangkan tentang konsep *ru'yat Allah* (melihat zat Allah) SWT di dalam syurga nanti sebagaimana pernyataan berikut:

وَاللَّهُ تَعَالَى يُرَى فِي الْآخِرَةِ، وَيَرَاهُ الْمُؤْمِنُونَ وَهُمْ فِي الْجَنَّةِ بِأَعْيُنٍ رُؤُوسِهِمْ بَلَا تَشْبِيهِ وَلَا كَيْفِيَّةٍ، وَلَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ خَلْقِهِ مَسَافَةٌ.

Terjemahan: Dan Allah Ta'ala akan dapat dilihat di akhirat nanti dan orang-orang yang beriman akan melihatNya (zat Allah SWT) ketika mereka berada di dalam syurga dengan mata-mata (yang berada di) kepala-kepala mereka tanpa *tashbih* dan tanpa *kayfiyyat*, dan tidak ada sebarang jarak pun di antaraNya (Allah SWT) dengan makhlukNya.

Apa yang boleh difahami daripada penggunaan frasa (بَلَا تَشْبِيهِ وَلَا كَيْفِيَّةٍ) menerusi pernyataan di atas ialah Imam Abu Hanifah bertujuan untuk menafikan secara total terhadap kewujudan konsep *tashbih* dan juga untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi Zat dan Sifat Allah SWT. Penafian terhadap kewujudan *tashbih* dan *kayfiyyat* bagi zat Allah SWT kemudiannya telah diperkukuhkan lagi dengan frasa (وَلَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ خَلْقِهِ مَسَافَةٌ) yang bermaksud: “dan tidak ada sebarang jarak pun di antaraNya (Allah SWT) dengan makhlukNya”.

Manhaj *al-Ithbat bi La Kayfiyyah* yang menafikan kewujudan *kayfiyyat* daripada Allah SWT turut menepati penegasan Imam Malik (al-Bayhaqi, t.t: 561) yang diriwayatkan dengan sanad yang sahih iaitu (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ) yang bermaksud: “Dan (wujudnya) *kayfiyyat* (bagi Zat dan Sifat Allah SWT) adalah mustahil”. Ia juga menepati penegasan Imam Malik (al-Bayhaqi, t.t: 561) menerusi pernyataan beliau (وَلَا يُقَالُ كَيْفٌ، وَكَيْفٌ عَنْهُ مَرْفُوعٌ) yang bermaksud: “Dan tidak boleh ditanyakan bagaimana? Kerana *kayfiyyat* itu sendiri adalah terangkat daripadanya”. Menurut al-Qaradawi (2005: 69), penegasan Imam Malik tersebut adalah bertujuan untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi Zat dan Sifat Allah SWT.

Pendirian menafikan *kayfiyyat* daripada Zat dan Sifat Allah SWT turut menepati frasa (وَنَقَى الْكَيْفِيَّةَ وَالتَّشْبِيهَ عَنْهُ) yang digunakan oleh Imam al-Bayhaqi (1999: 120) ketika membincangkan tentang *hadith al-Nuzul* menurut manhaj para Sahabat RA dan Tabi'in sebagaimana berikut:

وَهَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ رَوَاهُ جَمَاعَةٌ مِنَ الصَّحَابَةِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُ الْحَدِيثِ فِيمَا وَرَدَ بِهِ الْكِتَابُ وَالسُّنَّةُ مِنْ أَمْثَالِ هَذَا، وَلَمْ يَتَكَلَّمْ أَحَدٌ مِنَ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ فِي تَأْوِيلِهِ، ثُمَّ إِنَّهُمْ عَلَى قِسْمَيْنِ مِنْهُمْ مَنْ قَبْلَهُ وَآمَنَ بِهِ وَلَمْ يُؤَوِّلْهُ، وَوَكَّلَ عِلْمَهُ إِلَى اللَّهِ، وَنَفَى الْكَيْفِيَّةَ وَالتَّشْبِيهَ عَنْهُ، وَمِنْهُمْ مَنْ قَبْلَهُ وَآمَنَ بِهِ وَحَمَلَهُ عَلَى وَجْهِ يَصِحُّ اسْتِعْمَالُهُ فِي اللَّغَةِ، وَلَا يُنَاقِضُ التَّوْحِيدَ ...

Terjemahan: Dan ini adalah hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh satu kumpulan para Sahabat RA daripada Nabi SAW dan ahli-ahli hadis tentang hadis-hadis seumpama ini yang telah diberitakan oleh al-Quran dan al-Sunnah; dan tiada seorang pun dalam kalangan Sahabat dan Tabi'in yang berbicara dalam mentakwilkannya. Kemudian mereka terbahagi kepada dua golongan; sebahagian daripada mereka ada yang menerimanya dan beriman dengannya dan tidak pernah mentakwilnya berserta dengan menyerahkan pengetahuan tentang takwilannya kepada Allah berserta menafikan *kayfiyyat* dan menafikan *tashbih* daripadanya (Allah SWT); dan sebahagian daripada mereka (ulama Salaf) ada yang menerimanya dan beriman kepadanya berserta menanggungkannya (menjelaskannya) menurut *wajah* (penjelasan) yang sah penggunaannya dalam bahasa (Arab) dan tanpa melanggar konsep tauhid (mengesakan Allah SWT pada Zat, Sifat dan Af'alnya)

Penggunaan frasa (وَنَفَى الْكَيْفِيَّةَ وَالتَّشْبِيهَ عَنْهُ) menerusi pernyataan di atas adalah bertujuan untuk menafikan *kayfiyyat* dan *tashbih* secara total daripada Zat dan Sifat Allah SWT. Justeru itu, boleh ditegaskan bahawa tindakan menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi Zat Allah SWT dan Sifat-sifatNya sebenarnya telah pun dipelopori oleh sebilangan ulama Salaf *mutaqaddimin* seperti Imam Abu Hanifah dan Imam Malik.

Penafian *kayfiyyat* itu sendiri adalah mempunyai kaitan dengan penafian *sifat al-huduth* (sifat-sifat baharu) ataupun *sifat al-muhdathat* (sifat-sifat makhluk) seperti berjisim, beranggota, bertempat, berpindah tempat, duduk dan sebagainya. Ini kerana apa yang dimaksudkan dengan *kayfiyyat* ialah hal dan keadaan yang baru mendatang dan boleh hilang serta boleh ditanggapi oleh akal fikiran dan juga oleh panca indera (al-Shatiri, t.t: 14; Rishwan, 2021: 8-11; Osman Haji Khalid et al., 2006: 2045).

4.2 Konsep Ithbat Ulama Salaf Menurut Penjelasan Imam Al-Ash'ari

Kajian ini mendapati bahawa ketika mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* dalam kitab *al-Ibanah* dan kitab *Maqalat al-Islamiyyin*, Imam al-Ash'ari (1998: 16; 2010: 44; 2009: 125, 170) telah menggunakan frasa *bi La Kayf* (tanpa *kayfiyyat*). Al-Hafiz Ibn 'Asakir (2017: 125) merupakan *Ahl al-Hadith* terawal yang menukulkan bahagian pertama kitab *al-Ibanah* yang mengandungi frasa berikut:

وَأَنَّ اللَّهَ اسْتَوَى عَلَى عَرْشِهِ كَمَا قَالَ (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)، (طه: 5) ، وَأَنَّ لَهُ وَجْهًا كَمَا قَالَ: {وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ} (الرحمن: 27)، وَأَنَّ لَهُ يَدًا كَمَا قَالَ: {بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ} (المائدة: 64)، وَقَالَ: {لَمَّا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ} (ص: 75)، وَأَنَّ لَهُ عَيْنًا بَلَا كَيْفٍ كَمَا قَالَ: {تَجَرَّيْ بِأَعْيُنِنَا} (القمر: 14) .

Terjemahan: Dan bahawa Allah telah beristiwa' di atas arasyNya sebagaimana yang Dia telah berfirman (yang bermaksud) "Iaitu (Allah) al-Rahman yang beristiwa' di atas arasy (Taha, 20: 5)"; dan bahawa Dia mempunyai Wajah sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): "Dan akan kekallah Zat Tuhanmu [terjemahan harfiyyah: Wajah Tuhanmu] yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (al-Rahman, 55: 27)"; dan bahawa Dia memiliki Yad sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): "bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (ni`mat dan kurniaNya luas melimpah-limpah)" (al-Ma'idah, 5: 64), dan (sebagaimana) Dia telah berfirman (yang bermaksud): "kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu [terjemahan harfiyyah: dengan dua tanganKu]" (Sad, 38: 75); dan bahawa Dia mempunyai `Ayn tanpa kayfiyyat sebagaimana Dia berfirman (yang bermaksud): "yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami [terjemahan harfiyyah: dengan mata-mata Kami]" (al-Qamar, 54: 14)".

Penggunaan frasa *bi La Kayf* (tanpa *kayfiyyat*) di akhir pernyataan di atas menjelaskan bahawa manhaj *Ithbat* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari adalah bertunjangkan kepada konsep *al-Ithbat bi La Kayf*, bukannya *Tafwid al-Kayfiyyah*. Frasa *bi La Kayf* turut digunakan oleh Imam al-Ash`ari dalam kitab *Maqalat al-Islamiyyin* (2009: 125) ketika mengisbatkan sifat *istiwa'* sebagaimana pernyataan berikut:

وَقَالَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَأَصْحَابُ الْحَدِيثِ: لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا يُشْبِهُ الْأَشْيَاءَ، وَأَنَّهُ عَلَى الْعَرْشِ كَمَا قَالَ عَزَّ وَجَلَّ (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)، وَلَا تُقَدَّمُ بَيْنَ يَدَيْ اللَّهِ فِي الْقَوْلِ، بَلْ نَقُولُ: اسْتَوَى بِلاَ كَيْفٍ.

Terjemahan: Dan telah berkata Ahl al-Sunnah dan Ashab al-Hadith (tokoh-tokoh ulama dalam bidang hadis): Dia (Allah) bukanlah jisim dan (Dia) tidak menyerupai segala sesuatu. Dan bahawa Dia (beristiwa') di atas arasy sebagaimana yang difirmankan (oleh Allah) `Azza wa Jalla (yang bermaksud): "Iaitu (Allah) Ar-Rahman yang beristiwa' di atas arasy" (Taha: 5). Dan kita tidak akan mendahului Allah dalam membicarakan mengenainya; bahkan kami mengatakan: Dia telah beristiwa' tanpa *kayfiyyat*.

Menerusi pernyataan di atas, Imam al-Ash`ari telah mengemukakan dua penegasan penting. **Pertama**, beliau menegaskan bahawa akidah ulama *Ahl al-Sunnah* dan *Ahl al-Hadith* adalah tertegak atas keyakinan bahawa *Dhat* Allah SWT adalah bukan jisim dan tidak menyerupai segala makhluk. **Kedua**, Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan sifat *istiwa'* (tertinggi) di atas arasy dengan menggunakan frasa *bi La Kayf*. Dua penegasan di atas membuktikan bahawa manhaj *Ithbat* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari adalah bertunjangkan kepada manhaj *al-Ithbat bi La Kayf* iaitu menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara total daripada Zat dan Sifat Allah SWT.

Ketika membincangkan tentang konsep *istiwa'* tanpa *kayfiyyat* secara lebih terperinci, Imam al-Ash`ari (2010: 103) menjelaskan:

وَرَوَتْ الْعُلَمَاءُ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَمَةٍ سَوْدَاءَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُعْتَقَهَا فِي كَفَّارَةٍ، فَهَلْ يَجُوزُ عِتْقُهَا؟ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَيْنَ اللَّهُ؟) قَالَتْ: فِي السَّمَاءِ، قَالَ: (فَمَنْ

أَتَا؟) قَالَتْ: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَعْتَمَهَا فَإِنَّهَا مُؤَمَّنَةٌ). وَهَذَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى عَرْشِهِ فَوْقَ السَّمَاءِ، فَوْقِيَّةٌ لَا تَزِيدُهُ قُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ.

Terjemahan: Dan para ulama telah meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah menjumpai Rasulullah SAW bersama hamba perempuan (berkulit hitam) lalu berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya saya mahu memerdekakannya bagi memenuhi suatu kaffarah, haruskah saya memerdekakannya? Maka Rasulullah SAW pun bersabda kepadanya (hamba perempuan tersebut): “Di manakah Allah?”. Dia menjawab: di (atas) al-Sama’ (segala bentuk ketinggian). Baginda bersabda: “Siapakah saya?”. Dia menjawab: Engkau Rasulullah. Maka Nabi SAW pun bersabda: “Bebaskanlah dia kerana sesungguhnya dia seorang yang beriman”. Dan (hadis) ini menunjukkan bahawa Allah `Azza waJalla (berada) di atas arasy yang (berada) di atas langit sebagai suatu ketinggian yang tidak menambahkanNya dekat kepada arasy (berbanding langit, bumi, dasar lautan dan sebagainya)”.

Frasa (فَوْقِيَّةٌ لَا تَزِيدُهُ قُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ) di akhir nukilan di atas bertujuan untuk menjelaskan bahawa sifat *istiwa*’ di atas arasy bukanlah bermaksud Allah SWT menjadikan arasy sebagai tempat menetap bagi *Dhat*Nya. Ia sekali gus menjelaskan bahawa manhaj *al-Ithbat bi La Kayf* telah memberi perakuan kepada kewujudan konsep *ta’wil ijmalī*, bukannya menerima pakai pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* secara hakiki tanpa sebarang takwilan. Frasa di atas adalah mempunyai konsep yang sama dengan pernyataan Imam Abu Hanifah menerusi frasa sebagaimana yang telah dipaparkan sebelum ini.

Pemakaian manhaj *al-Ithbat bi La Kayf* ketika mengisbatkan sifat *maji*’ (datang) dan sifat *qurb* (hampir) turut diisyaratkan oleh Imam al-Ash`ari menerusi kitab *al-Ibanah* (2010: 51) sebagaimana pernyataan berikut:

وَنَقُولُ : إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، كَمَا قَالَ سُبْحَانَهُ: {وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا} (الفجر: 22)، وَإِنَّ اللَّهَ يَفْرُبُ مِنْ عِبَادِهِ كَيْفَ شَاءَ بِلَا كَيْفٍ، كَمَا قَالَ: {وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْكُمْ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ} (ق: 16) ...

Terjemahan: Dan kami mengatakan: Sesungguhnya Allah `Azza wa Jalla akan datang pada hari kiamat sebagaimana firman (Allah) Yang Maha Suci (yang bermaksud): “Dan Tuhanmu akan datang sedang para malaikat berdiri dalam saf demi saf” (al-Fajr: 22). Dan sesungguhnya Allah akan mendekati hamba-hambaNya bagaimana yang Dia Kehendaki tanpa *kayfiyyat* sebagaimana Dia berfirman (yang bermaksud): “Dan Kami lebih hampir kepada kamu berbanding urat leher kamu” (Qaf: 16) ...”.

Penjelasan lanjut tentang konsep *al-Ithbat bi La Kayf* ketika mengisbatkan sifat *maji*’ dan *nuzul* turut diisyaratkan oleh Imam al-Ash`ari menerusi kitab *Risalah ila Ahl al-Thaghr* (1995: 227-229) sebagaimana huraian berikut:

وَأَجْمَعُوا عَلَى أَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا لِعَرْضِ الْأُمَمِ وَحِسَابِهَا وَعِقَابِهَا وَتَوَائِهَا ، فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ، وَيُعَذِّبُ مِنْهُمْ مَنْ يَشَاءُ كَمَا قَالَ، وَلَيْسَ بِجِئْتُهُ حَرَكَةً وَلَا زَوَالًا ، وَإِنَّمَا يَكُونُ

الْمَجِيءُ حَرَكَةً وَرَوَالاً إِذَا كَانَ الْجَائِي جِسْماً أَوْ جَوْهَرًا ، فَإِذَا ثَبَتَ أَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا جَوْهَرٍ لَمْ يَجِبْ أَنْ يَكُونَ بِجِئْتِهِ ثِقَلَةٌ، أَلَا تَرَى أَنَّهُمْ لَا يُرِيدُونَ بِقَوْلِهِمْ : "جَاءَتْ زَيْدًا الْحُمَى" أَنَّهَا تَنَقَّلَتْ إِلَيْهِ، أَوْ تَحَرَّكَتْ مِنْ مَكَانٍ كَانَتْ فِيهِ ، إِذْ لَمْ تَكُنْ جِسْماً وَلَا جَوْهَرًا ، وَإِنَّمَا بِجِئْتِهَا إِلَيْهِ وَجُودُهَا بِهِ، وَأَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا كَمَا رَوَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَيْسَ نُزُولُهُ ثِقَلَةً لِأَنَّهُ لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا جَوْهَرٍ.

Terjemahan: Dan mereka telah berijmak bahawa Allah `Azza wa Jalla akan datang pada hari kiamat sedang para malaikat berada dalam saf-saf yang tersusun untuk memulakan perhitungan amalan semua umat, untuk membalas kejahatan dan untuk memberi balasan pahala kepada mereka, lalu Dia mengampuni orang-orang berdosa yang dikehendakiNya dan Dia akan mengazabkan orang-orang berdosa yang dikehendakiNya sebagaimana yang telah difirmanNya; dan bukanlah “datangNya itu” satu pergerakan dan bukan juga satu perpindahan; kerana “datang” itu hanya berbentuk suatu gerakan dan perpindahan apabila sesuatu yang datang itu merupakan suatu jisim atau jawhar. Apabila telah sabit bahawa Allah `Azza wa Jalla adalah bukan jisim dan bukan jawhar, tidak wajiblah datangNya itu sebagai suatu perpindahan. Tidakkah engkau memahami bahawa mereka tidak bermaksud daripada kata-kata mereka: “Demam panas telah datang kepada Zayd” bahawa demam panas itu telah berpindah kepadanya (Zayd) ataupun ia telah bergerak dari tempat lain yang sebelum itu dia berada padanya, kerana ia (demam panas itu) bukanlah jisim dan bukan jawhar. Sebenarnya datangnya demam itu kepada Zayd adalah (bererti) wujudnya demam tersebut pada diri Zayd. Dan bahawasanya Allah `Azza wa Jalla turun ke langit dunia sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Nabi SAW, dan bukanlah turunNya (Allah SWT) itu suatu perpindahan kerana Dia (Allah SWT) bukanlah jisim dan bukan jawhar”.

Menerusi huraian di atas, Imam al-Ash`ari menegaskan bahawa dalam mengisbatkan sifat *Ityan* dan sifat *Nuzul*, para ulama Salaf telah berijmak mengatakan bahawa dua sifat tersebut tidak boleh difahami dengan maksud berlakunya pergerakan ataupun perpindahan tempat bagi Zat Allah SWT kerana Zat Allah SWT adalah bukan jisim dan bukan jawhar. Penegasan yang sama turut diabadikan oleh Imam al-Ash`ari dalam kitab *al-Luma`* (2012: 18) dan *Istihsan al-Khawd fi `Ilm al-Kalam* (2012: 91).

Konsep *Ithbat* ulama Salaf yang dijelaskan oleh Imam al-Ash`ari di atas turut dijelaskan secara ringkas dan padat oleh Imam Ibn Kathir (1994, j. 2: 295) menerusi pernyataan berikut:

إِمْرَأَتُهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْنِيفٍ وَلَا تَشْبِيهِ وَلَا تَعْطِيلٍ، وَالظَّاهِرُ الْمُتَبَادِرُ إِلَى أَدْهَانِ الْمُشَبَّهَيْنِ مَنْفِيٌّ عَنِ اللَّهِ.

Terjemahan: Melalukannya (membaca dan menerima pengertian zahir *Sifat Khabariyyah*) sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih) tanpa *takyif* (membayang atau membayangkan), tanpa *tashbih* (menyerupakan dengan makhluk) dan tanpa *ta`til* (menafikannya), manakala (pengertian) zahir yang bersegera (tergambar) kepada fahaman golongan Mushabbihah adalah dinafikan daripada Allah.

Penafian kewujudan *kayfiyyat* secara mutlak daripada Zat dan Sifat Allah SWT adalah bertujuan untuk membezakan antara Zat dan Sifat Allah SWT berbanding segala zat dan sifat makhluk. Antara hujahnya ialah penegasan Imam Malik bin Anas (al-

Bayhaqi, t.t: 561) yang mengatakan (وَلَا يُقَالُ كَيْفَ وَكَيْفُ عَنْهُ مَرْفُوعٌ) yang bermaksud: “Dan tidak boleh dikatakan bagaimana (*kayfiyyat*nya)? Kerana *kayfiyyat* adalah terangkat daripadaNya (Allah SWT)”.

Justeru, sifat *istiwa'* (tertinggi di atas arasy) menurut manhaj *al-Ithbat bi La Kayf* adalah tidak boleh difahami dengan maksud Allah SWT duduk (*julus* atau *qu`ud*), ataupun menetap (*istiqrar*) dengan ZatNya di atas arasy. Manakala sifat turun (*nuzul*) pula tidak boleh difahami dengan maksud berlakunya *harakah* (gerakan), *intiqal* (berpindah tempat), *hulul* (masuk ke dalam tujuh lapisan langit) ataupun *ittihad* (bersatu dengan makhluk). Demikian juga sifat yang bernama wajah, tangan dan mata adalah tidak boleh difahami dengan maksud anggota sebagaimana yang digunakan untuk makhluk (al-Bayhaqi, 1999: 121-123).

Merujuk kepada penjelasan di atas, kajian ini mendapati sebilangan ulama Nusantara telah menerima pakai konsep *al-Ithbat bi La Kayf* ketika berinteraksi dengan sifat *istiwa'*, *wajh* dan *yad*. Menerusi kitab *al-Darr al-Thamin* (t.t: 45) contohnya Shaykh Daud al-Fatani menjelaskan: “Adapun mazhab *al-Salaf* itu adalah mereka itu *tafwid* ilmunya itu kepada Allah dan wajib kita iktikadkan seperti barang yang ada pada zahir kataNya dan pada hakikat kita jauhkan segala kekurangan seperti kata Imam Malik: Kami ketahui erti “di atas” tetapi tiada kami ketahui hakikatnya, seperti kita kata: “Allah di atas” tetapi “tiada seperti di atas segala yang baharu”, dan “Allah Ta`ala bertangan” tiada seperti segala tangan yang baharu, dan “Allah bermuka tiada seperti segala muka yang baharu”. Maka hakikatnya Dia yang mengetahui kehendakNya dan wajib kita *tanzihkan* menyerupa dengan yang baharu pada hakikatnya. Maka tiada mengapa muafakat pada nama. Inilah mazhab Salaf radiya Allah `anhum”. Konsep yang sama turut terkandung dalam kitab jawi *Zahrah al-Murid fi `Aqa'id al-Tawhid* (al-Kalantani, t.t: 10), *Risalah al-Tawhid* (Yahya, 1952: 17-18) dan Perisai Bagi Sekalian Mukallaf (al-Mandili, t.t: 12-13).

4.3 Ciri-ciri Manhaj Ithbat Ulama Salaf Menurut Imam Al-Ash`ari

Merujuk kepada huraian tentang konsep *Ithbat* ulama Salaf yang dihuraikan di atas, manhaj *Ithbat* ulama Salaf menurut perspektif Imam al-Ash`ari memiliki beberapa ciri yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

4.3.1 Mengisbatkan Sifat Khabariyyah Bersumberkan Adillah Qat`iyyah

Imam al-Ash`ari hanya mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* bersumberkan *adillah qat`iyyah* (dalil-dalil syarak yang bersifat pasti dan meyakinkan) iaitu yang berasal daripada dua sumber sahaja. Pertama, ayat-ayat al-Quran yang *sarih* seperti sifat *istiwa'*, *wajh*, *yad*, *ityan*, *maji'* dan *qurb*. Kedua, hadis-hadis sahih yang bertaraf *mutawatir* dalam kalangan *Ahl al-Hadith* seperti *hadith al-nuzul* (al-Sabuni, t.t: 50-77; Abu Shadi, 2007: 232) dan hadis berkenaan *ru'yat Allah* di akhirat nanti. Tambahan daripada itu, *hadith al-nuzul* mempunyai kaitan dengan sifat *maji'* yang terkandung dalam surah al-Fajr (89: 22) manakala *hadith ru'yat Allah* pula mempunyai kaitan dengan surah Yunus (10: 26) dan surah al-Qiyamah (75: 22-23) yang menjelaskan bahawa orang-orang beriman akan dapat melihat Allah di dalam syurga di akhirat nanti (al-Tabari, 1992, j. 6: 549-551; j. 12: 343).

Kajian ini menjelaskan bahawa Imam al-Ash`ari tidak pernah mengisbatkan satu pun *Sifat Khabariyyah* yang tidak disepakati oleh *Ahl al-Hadith*. Ini kerana sifat tersebut bersumber dari hadis *Ahad* yang tidak disokong oleh al-Quran ataupun terdiri daripada riwayat-riwayat *al-Shazzah al-Da'ifah* (al-Ghazali, 2011: 259) ataupun ia merupakan

hadis-hadis palsu seperti hadis *al-qu`ud* (al-Albani, 2010: 13), hadis *al-julus* dan hadis *istilqa`* (al-Khallal, 2018: j. 1, 163-172, j. 2, 321-331).

Dapatan kajian di atas sekali gus menolak fahaman dan akidah sebilangan sarjana Islam dari aliran *Tafwid al-Kayfiyyah* yang mengisbatkan bahawa Allah SWT duduk di atas arasy, mempunyai dua mata, dua tangan, lima jari, *janb* (lambung), *hiqw* (pinggang), *saq* (betis), dua kaki dan sebagainya (Yasin, 2016). Kajian juga mendapati bahawa sifat-sifat tersebut adalah tidak mempunyai satu pun dalil yang bertaraf *qat`iy*.

Bagi menjelaskan bahawa *Sifat Khabariyyah* yang diisbatkan oleh Imam al-Ash`ari dan ulama Ash`ariyyah hanya terdiri daripada sifat-sifat yang bersumber daripada *adillah qat`iyyah* dalil-dalil syarak yang bersifat *qat`iy* boleh dijadikan pegangan akidah, Imam al-Bayhaqi (t.t: 494) menjelaskan:

وَالْأَصْلُ أَنَّ كُلَّ صِفَةٍ جَاءَ بِهَا الْكِتَابُ أَوْ صَحَّحَتْ بِأَخْبَارِ التَّوَاتُرِ أَوْ رُوِيَ مِنْ طَرِيقِ الْإِحَادِ وَكَانَ لَهُ أَصْلٌ فِي الْكِتَابِ أَوْ خَرَجَتْ عَلَى بَعْضِ مَعَانِيهِ، فَإِنَّا نَقُولُ بِهَا وَنُخْرِجُهَا عَلَى ظَاهِرِهَا مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ، وَمَا لَمْ يَكُنْ لَهُ فِي الْكِتَابِ ذِكْرٌ وَلَا فِي التَّوَاتُرِ أَصْلٌ، وَلَا لَهُ بِمَعَانِي الْكِتَابِ تَعَلُّقٌ، وَكَانَ بَحْيُثُهُ مِنْ طَرِيقِ الْإِحَادِ، وَأَفْضَى بِنَا الْقَوْلِ إِذَا أَجْرَيْنَاهُ عَلَى ظَاهِرِهِ إِلَى التَّشْبِيهِ، فَإِنَّا نَقُولُهُ عَلَى مَعْنَى يَحْتَمِلُهُ الْكَلَامُ وَيَزُولُ مَعَهُ مَعْنَى التَّشْبِيهِ، وَهَذَا هُوَ الْفَرْقُ بَيْنَ مَا جَاءَ مِنْ ذِكْرِ الْقَدَمِ وَالرَّجْلِ وَالسَّاقِ، وَبَيْنَ الْيَدِ وَالْوَجْهِ وَالْعَيْنِ، وَبِاللَّهِ الْعِصْمَةُ، وَنَسْأَلُهُ التَّوْفِيقَ لِصَوَابِ الْقَوْلِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْخَطَا وَالزَّلَلِ فِيهِ، إِنَّهُ رَوْفٌ رَحِيمٌ.

Terjemahan: Dan prinsip asalnya ialah bahawa setiap sifat yang dinaskan oleh al-Quran atau yang sah menurut hadis-hadis mutawatir ataupun yang diriwayatkan daripada saluran hadis *Ahad* yang mempunyai rujukan asal dalam al-Quran ataupun mempunyai kaitan dengan sifat-sifat tertentu yang terkandung dalam al-Quran maka kami (ulama Asha`irah) akan mengisbatkannya dan akan menerimanya menurut pengertian zahirnya tanpa *takyif*. Dan apa sahaja sifat yang tidak dinaskan dalam al-Quran dan tidak bersumber dari hadis mutawatir, dan tidak mempunyai hubungan dengan pengertian-pengertian (yang tersirat dalam) al-Quran, dan yang datang daripada hadis *Ahad*, di mana apabila kita menerimanya menurut pengertian zahirnya (yang hakiki) akan membawa kepada *tashbih* (menyamakan sifat Allah SWT dengan sifat makhluk menurut fahaman masyarakat awam), maka kita akan mentakwilnya menurut pengertian yang boleh diterima menurut kaedah bahasa Arab, (agar) dengan takwilan tersebut akan terhapuslah fahaman *tashbih* (dalam kalangan masyarakat awam). Inilah dia perbezaan antara dalil-dalil yang menyebut tentang *qadam*, *rijl* dan *saq* berbanding (dalil-dalil yang menyebut tentang) *yad*, *wajh* dan *`ayn*. Dan dengan (*tawfiq*) Allah jua (tercapainya) pemeliharaan. Dan kami sentiasa memohon kepadaNya *tawfiq* kepada kata-kata yang menepati kebenaran serta kami sentiasa memohon perlindungan daripada kesilapan dan kegelinciran dalam isu ini. Sesungguhnya Dia adalah Maha Halus lagi Maha Penyayang.

Kajian ini mendapati bahawa tiada satu pun sumber yang sahih menyatakan bahawa Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan sifat *qu`ud* atau *julus* (duduk) atau *istilqa`* (baring secara telentang) ataupun mempunyai *`aynayn* (dua mata), *kaff* (telapak tangan), *janb* (lambung), *hiqw* (pinggang), *saq* (betis), *qadamayn* (dua kaki) dan sebagainya sebagaimana yang telah diisbatkan oleh sebilangan sarjana Islam yang lain (al-Khallal, 2018: j. 1, 163-172, j. 2, 321-331; Ibn al-Jawzi, 2000; al-`Asqalani, 2000, 13: 441-442; al-Albani, 2010: 13; Yasin, 2016; al-Jaza`iri, 2017).

Sifat-sifat di atas tidak pernah diisbatkan oleh Imam al-Ash`ari dan ulama Ash`ariyyah kerana ia adalah bersumber daripada hadis *mawdu`* ataupun berasal daripada hadis *Ahad* yang tidak disokong oleh sebarang nas al-Quran (al-Bayhaqi, t.t: 494) ataupun daripada riwayat-riwayat *al-Shazzah al-Da`ifah* (al-Ghazali, 2011: 259; Ibn al-Jawzi, 2000) ataupun sifat-sifat yang disandarkan kepada Allah SWT sebagai *sifat al-Khalq* seperti hadis yang mengandungi frasa Surah al-Rahman (Ibn Khuzaymah, 2019: 92-95) ataupun kerana berlaku kekeliruan dalam memahami pengertian sesebuah hadis seperti mengisbatkan bahawa Allah SWT memiliki dua mata ataupun dua tangan yang terdiri daripada lima jari (al-Bukhari, 2010: no. h. 7513; al-Naysaburi, 2005: no. h. 2786; Yasin, 2016). Tambahan lagi fahaman dan dakwaan sedemikian boleh membawa kepada *tashbih* atau *tajsim* khasnya apabila diterima pakai menurut pengertiannya yang hakiki tanpa sebarang takwilan berserta dengan mengisbatkan kewujudan *kayfiyyat* (rupa, bentuk, ciri dan cara) bagi Zat dan Sifat Allah SWT.

4.3.2 Mensucikan Allah SWT Daripada Kayfiyyat dan Sifat al-Huduth

Dalam mengisbatkan *Sifat Khabariyyah*, Imam al-Ash`ari (1998; 2009; 2010) kerap kali menggunakan frasa *bi La Kayf* (بِلا كَيْفٍ). Prinsip ini bertepatan dengan penegasan tokoh-tokoh Salaf *mutaqaddimin* seperti Imam Abu Hanifah (2007: 324) yang menggunakan frasa (بِلا كَيْفٍ) dalam mengisbatkan sifat-sifat yang bernama *Wajh*, *Yad*, *Nafs*, *Ghadab* dan *Rida*. Manakala Imam al-Awza`iy, Sufyan al-Thawri, Imam Malik dan al-Layth bin Sa`d pula mengatakan (أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ بِلا كَيْفِيَّةٍ) yang bermaksud: “Lakukan (bacalah dan terimalah) ia (ayat-ayat Sifat dan hadis-hadis sifat) sebagaimana ia datang tanpa *kayfiyyat*” (al-Bayhaqi, 1999: 123) iaitu dengan maksud untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* secara mutlak bagi Zat dan Sifat Allah SWT (al-`Asri, 2022: 295-296).

Penggunaan frasa *bi La Kayf* (بِلا كَيْفٍ) menjelaskan bahawa sekalipun Imam al-Ash`ari telah menerima pakai pengertian zahir sifat *istiwa`*, *wajh*, *yad* dan sebagainya, namun beliau telah menafikan *sifat al-Huduth* (sifat-sifat baharu) seperti duduk, bertempat, berjisim, beranggota, bergerak, berpindah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Imam al-Ash`ari telah menggunakan beberapa pendekatan untuk mensucikan Sifat Allah SWT daripada pengertian zahir yang bersifat *hissiyyah* dan *jismiyyah*. **Pertama**, Imam al-Ash`ari telah membahagikan *Sifat Khabariyyah* kepada dua kategori yang berbeza iaitu *Sifat Dhatiyyah* dan *Sifat Fi`liyyah*. Sehubungan itu, sifat *Yad*, *Ayn* dan *Wajh* telah diithbatkan sebagai beberapa *Sifat Dhatiyyah* yang termasuk dalam kategori sifat-sifat *Ma`ani* iaitu sama seperti sifat *Ilm*, *Qudrat* dan *Hayat* (al-Ash`ari, 2009: 129-130). Manakala sifat *istiwa`* (al-A`raf 7: 54), *maji`* (al-Fajr 89: 22), *ityan* (al-Baqarah 2: 210), *qurb* (Qaf 50:16) dan *nuzul* pula telah diithbatkan sebagai *Sifat Fi`liyyah*, di mana empat sifat yang pertama adalah bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *sarih* manakala sifat *nuzul* pula bersumber daripada hadis-hadis sahih yang bertaraf *mutawatir* (al-Sabuni, t.t: 50-77).

Kedua, Imam al-Ash`ari (2002: 210-212; 2012: 16) menegaskan bahawa Allah SWT adalah berbeza daripada setiap makhlukNya secara mutlak hatta dari aspek yang sekecil mana sekalipun. Imam al-Ash`ari (2012: 18, 42) turut menegaskan bahawa Zat Allah SWT adalah bersifat Maha Esa dan bersifat *qadim* (sedia kala), dan justeru itu maka Zat Allah SWT adalah bukan jisim dan tidak juga bersifat dengan sebarang sifat jisim, jawhar dan *`arad* kerana kesemuanya adalah bersifat baharu.

Imam al-Ash`ari (1998; 2010) juga telah mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* menurut lafaznya yang asal, di mana beliau tidak pernah mengatakan bahawa Allah SWT “beristiwa` dengan ZatNya” atau “turun dengan ZatNya” ataupun “datang dengan ZatNya”. Beliau sebaliknya menegaskan bahawa *istiwa`*, *maji`* dan *nuzul* merupakan

beberapa perbuatan yang dilakukan oleh Allah SWT yang dinamakan sebagai *istiwa'*, *maji'* dan *nuzul* (al-Bayhaqi, t.t: 563, 604-605). Ketika mengisbatkan sifat *istiwa'* (tertinggi) di atas arasy contohnya Imam al-Ash`ari (2010: 100, 102, 103) menjelaskan:

فَكُلُّ ذَلِكَ يَدُلُّ عَلَى أَنَّهُ تَعَالَى فِي السَّمَاءِ مُسْتَوٍ عَلَى عَرْشِهِ، وَالسَّمَاءُ بِإِجْمَاعِ النَّاسِ لَيْسَتْ الْأَرْضُ، فَدَلَّ عَلَى أَنَّهُ تَعَالَى مُنْقَرِدٌ بِوَحْدَانِيَّتِهِ، مُسْتَوٍ عَلَى عَرْشِهِ مُنَزَّهَا عَنِ الْخُلُولِ وَالِاتِّحَادِ... وَأَنَّهُ مُسْتَوٍ عَلَى عَرْشِهِ بِلَا كَيْفٍ وَلَا اسْتِثْرَارٍ... وَهَذَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى عَلَى عَرْشِهِ فَوْقَ السَّمَاءِ فَوْقِيَّةً لَا تَزِيدُهُ قُرْبًا مِنَ الْعَرْشِ.

Terjemahan: Maka semua itu menunjukkan bahawasanya (Allah) Ta`ala (berada) di (atas) langit, beristiwa' di atas arasy. Dan langit itu menurut ijmak semua manusia adalah bukan bumi. Maka ia menunjukkan bahawasanya (Allah) Ta`ala adalah bersendirian dengan sifat keesaanNya, beristiwa' di atas arasyNya, Maha Suci daripada *hulul* (berlakunya penyatuan) dan *ittihad* (bersatu dengan makhluk) ... dan bahawasanya (Allah Ta`ala) beristiwa' (tertinggi) di atas arasyNya, di atas *al-Sama'* (segala bentuk ketinggian) sebagai ketinggian yang tidak menambahkanNya dekat kepada arasy (berbanding langit, bumi dan sebagainya).

Melalui pernyataan di atas, Imam al-Ash`ari menjelaskan bahawa sifat *istiwa'* di atas arasy perlu difahami dengan maksud ketinggian *ma`nawi*, bukannya ketinggian *hissi* (fizikal). Konsep ketinggian *ma`nawi* turut diberi perakuan oleh para ulama dan sarjana Islam. Ketika mentafsirkan lafaz (الْعَلِيُّ) dalam firman Allah SWT (وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ) di akhir *ayat al-Kursi* contohnya, Imam al-Qurtubi (1996, j. 3: 181) menegaskan bahawa ia bermaksud (عُلُوُّ الْقَدَرِ وَالْمَنْزِلَةِ، لَا عُلُوُّ الْمَكَانِ) iaitu “ketinggian *qadar* dan kedudukan, bukannya ketinggian tempat”. Manakala al-Hafiz Ibn Kathir (2017: 97) pula telah menggunakan istilah *al-Fawqiyah al-Mutlaqah* (الْفَوْقِيَّةُ الْمُطْلَقَةُ) sementara Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani (al-Wahhab, 2003: 8-9) pula telah menggunakan istilah *al-'Uluww al-Mutlaq* (الْعُلُوُّ الْمُطْلَقُ).

Bagi menghuraikan prinsip ini, Imam al-Bayhaqi (1999: 121-123) menjelaskan bahawa wajib diketahui (dan diyakini) bahawa *istiwa'* Allah SWT bukan bermaksud *istiwa'* menjadi lurus daripada kebengkokan, bukannya menetap pada suatu tempat, bukan berlaku persentuhan dengan sesuatu pun dari makhlukNya, akan tetapi Dia beristiwa' di atas arasyNya sebagaimana yang Dia telah khabarkan tanpa *kayfiyyat*, tanpa (bertempat) di mana-mana pun, berpisah (serta berbeza) daripada makhlukNya. Dan bahawa *Ityan* Allah SWT bukanlah bermaksud kedatanganNya dari suatu tempat ke suatu tempat, *Maji'*Nya bukanlah suatu pergerakan, *Nuzul*Nya bukanlah suatu perpindahan (dari atas ke bawah), *Nafs* (Diri)Nya bukanlah jisim, *Wajah*Nya bukanlah rupa bentuk, *Yad*Nya bukanlah anggota dan *`Ayn*Nya bukanlah bola mata.

4.3.3 Mengisbatkan Sifat Khabariyyah Dengan Lafaz Tunggal

Merujuk kepada kandungan kitab *al-Ibanah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn `Asakir (2017: 125), Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan sifat *Yad* dan sifat *`Ayn* dengan menggunakan lafaz *mufrad* (tunggal), bukannya dengan menggunakan lafaz *Yadayn* dan *`Aynayn*. **Pertama**, penggunaan lafaz *mufrad* bertepatan dengan konsep *tawhid* dan sifat *wahdaniyyah*, di mana para ulama menegaskan bahawa Allah SWT adalah bersifat Maha Esa pada ZatNya, pada SifatNya dan pada *Af'al* (pentadbiran)Nya (al-Ash`ari, 2012: 18, 94; al-Shatiri, t.t: 42, 46).

Kedua, penggunaan lafaz *mufrad* adalah menepati sabda Rasulullah SAW sendiri yang menggunakan lafaz tunggal dalam sabda baginda (خَلَقَ آدَمَ بِيَدِهِ) yang bermaksud: “Dia telah mencipta (Nabi) Adam dengan *Yad*Nya” (al-Ajurri, 2005: no. h. 794). Demikian juga ketika berinteraksi dengan firman Allah SWT (لَمْ يَلَمْ لَا تَسْجُدْ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ), Rasulullah SAW sendiri telah mentafsirkannya dengan lafaz tunggal iaitu lafaz *yamin* sebagaimana sabda baginda (وَكُلْنَا يَمِينُ) yang bermaksud: “Dan kedua TanganNya adalah *Yamin*” (al-Naysaburi, 2005: no. h. 4698). Tafsiran ini sangat bertepatan dengan konsep *tawhid* yang secara langsung menolak kewujudan konsep *ta`addud* (berbilang-bilang) bukan sahaja pada Zat Allah SWT bahkan juga pada SifatNya.

Ketiga, penggunaan lafaz *mufrad* boleh diperkukuhkan dengan penjelasan sebilangan *Ahl al-Hadith* yang turut membincangkan tentang konsep keesaan Allah SWT. Al-Hafiz Ibn Kathir (2017: 44-45) contohnya menjelaskan (وَأَنَّهُ سُبْحَانَهُ وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ، وَاحِدٌ فِي صِفَاتِهِ، وَاحِدٌ فِي مَخْلُوقَاتِهِ) yang bermaksud: “Dan bahawasanya (Allah) Yang Maha Suci adalah Maha Esa pada ZatNya, Esa pada Sifat-sifatNya dan Esa dalam (mentadbir) sekalian makhlukNya”.

Manakala al-Hafiz Ibn Hajar al-`Asqalani (2000: j. 13, h. 425) pula menegaskan (سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَنِ الْإِثْنَيْنِيَّةِ مِنْ كُلِّ وَجْهِ) yang bermaksud: “Maha Suci Allah Ta`ala daripada bersifat dua dari semua aspek”. Manakala ulama Asha`irah pula menjelaskan bahawa sifat *Wahdaniyyah* adalah menafikan segala bentuk *ta`addud* (berbilang-bilang) pada Zat Allah SWT, pada Sifat dan pada *Af`al* (pentadbiran)Nya (al-Shatiri, t.t: 43, 46).

Penggunaan lafaz tunggal oleh Imam al-Ash`ari turut diisyaratkan oleh Ibn al-Qayyim (2006, j. 1: 236) melalui nukilan berikut:

فَصَحَّ قَوْلُ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ: إِنَّ الْيَدَ مِنْ قَوْلِهِ {خَلَقَ آدَمَ بِيَدِهِ}، وَقَوْلِهِ: {لِمَا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ} (ص: 75) صِفَةً وَرَدَتْ بِهَا الشَّرْعُ، وَلَمْ يَقُلْ: إِنَّهَا فِي مَعْنَى الْقُدْرَةِ، كَمَا قَالَ الْمُتَأَخَّرُونَ مِنْ أَصْحَابِهِ، وَلَا فِي مَعْنَى النِّعَمِ، وَلَا قَطَعَ بِشَيْءٍ مِنَ التَّأْوِيلَاتِ تَحَرُّزًا عَنْ مُخَالَفَةِ السَّلَفِ، وَقَطَعَ بِأَنَّهَا صِفَةٌ تَحَرُّزًا عَنْ مَذْهَبِ الْمُشَبَّهَةِ.

Terjemahan: Maka sahlah kata-kata Abu al-Hasan al-Ash`ari: bahawa *al-Yad* dari sabda baginda (yang bermaksud): “Dia telah menciptakan Adam dengan tanganNya, dan (dari) firmanNya (yang bermaksud): kepada apa yang telah Aku ciptakan dengan dua tanganKu, merupakan “satu sifat” yang telah dinaskan oleh syarak; dan beliau (Imam al-Ash`ari) tidak pernah mengatakan: Sesungguhnya ia digunakan dengan maksud *qudrat* (kekuasaan) sebagaimana yang dikatakan oleh golongan *muta`akhhirin* dalam kalangan para sahabatnya; dan tidak juga dengan erti nikmat-nikmat, dan beliau tidak memutuskannya dengan sebarang takwilan bagi memelihara diri daripada menyalahi (manhaj ulama) Salaf; dan beliau memutuskan (pendirian) bahawa ia merupakan “satu sifat” bagi memelihara diri daripada mazhab golongan *Mushabbihah*.

Menerusi pernyataan di atas, Ibn al-Qayyim menjelaskan terdapat dua prinsip yang dipertahankan oleh Imam al-Ash`ari ketika berinteraksi dengan lafaz *Yad*. **Pertama**, Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan *Yad* menurut lafaz *mufrad* tanpa sebarang takwilan. **Kedua**, Imam al-Ash`ari menegaskan bahawa *Yad* merupakan “satu sifat” bagi Allah SWT, di mana ia bertujuan untuk membelakangi mazhab golongan *Mushabbihah*. Prinsip kedua inilah yang telah dipertegaskan oleh Imam al-Ash`ari dalam kitab *Maqalat al-Islamiyyin* (2009: 129-130) menerusi pernyataan berikut:

وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كُلابٍ: أَطْلِقِ الْيَدَ وَالْعَيْنَ وَالْوَجْهَ خَبْرًا، لِأَنَّ اللَّهَ أَطْلَقَ ذَلِكَ وَلَا أَطْلَقَ غَيْرَهُ، قَائِلًا: هِيَ صِفَاتٌ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ كَمَا قَالَ فِي الْعِلْمِ وَالْقُدْرَةِ وَالْحَيَاةِ إِنَّهَا صِفَاتٌ.

Terjemahan: Dan `Abd Allah bin Kullab berkata: *Ithbatkanlah secara mutlak Yad, `Ayn dan Wajh sebagai Sifat Khabariyyah* kerana Allah (sendiri) telah mengisbatkan secara mutlak, dan Dia tidak mengisbatkan secara mutlak selain daripadanya. Maka saya mengatakan: Ia merupakan beberapa sifat bagi Allah `Azza waJalla sebagaimana yang Dia firmankan tentang `Ilm, Qudrat dan Hayat bahawa ia merupakan beberapa sifat.

Melalui pernyataan di atas, Imam al-Ash`ari telah mengisbatkan *Wajh, Yad* dan `Ayn sebagai *Sifat Ma`ani (Sifat Dhatiyyah)* yang setaraf dengan sifat `Ilm, Qudrat, Iradat dan sebagainya, di mana kesemuanya adalah bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang sarih. Justeru, dalam mengisbatkan sifat *Yad* dan `Ayn bertunjangkan kepada dua prinsip di atas, Imam al-Ash`ari bukan sahaja telah memelihara diri sendiri daripada menyalahi manhaj Salaf bahkan turut mempertahankan akidah Salaf yang bertunjangkan prinsip *tawhid* dan konsep *wahdaniyyah*.

Merujuk kepada keseluruhan dapatan kajian di atas, maka kandungan kitab *al-Ibanah* nukilan al-Hafiz Ibn `Asakir yang mengisbatkan sifat *Yad* dan sifat `Ayn dengan menggunakan lafaz *mufrad* adalah perlu dijadikan rujukan asasi untuk memahami manhaj Salaf menurut perspektif Imam al-Ash`ari. Justeru itu, apabila terdapat sebilangan sarjana Islam yang mengisbatkan bahawa Allah SWT beristiwa' dengan ZatNya, beristiqrar (menetap) dan duduk di atas arasy dengan ZatNya, turun dengan ZatNya dan naik dengan ZatNya serta mempunyai dua tangan, dua mata, dua kaki, lima jari tangan dan lima jari kaki (Yasin, 2016: 7-179) menurut pengertian zahir yang hakiki berserta dengan mengisbatkan kewujudan *kayfiyyat* (rupa dan bentuk) bagi Zat Allah SWT, dan dalam masa yang sama pula enggan mengambil pendirian untuk mensucikan Allah SWT daripada bertempat, berjisim, beranggota, bergerak dan berpindah tempat, maka ia perlu dinilai semula dari pelbagai aspek kerana pengisbatan sifat-sifat sedemikian adalah bercanggah dengan konsep *tawhid* dan menafikan sifat *Wahdaniyyah* Allah SWT sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Sepanjang kajian ini dilakukan, penyelidik belum menjumpai satu pun hadis sahih yang menyatakan secara jelas bahawa sifat *yadayn* (dua tangan) dan sifat *qadamayn* atau *rijlayn* (dua kaki) adalah termasuk sifat-sifat Allah SWT sebagaimana sifat *wajh, yad, maji', ityan* dan *nuzul* yang bersumber daripada *adillah qat'iyyah*. Antara hujah yang boleh digunakan untuk menyokong pernyataan penyelidik di atas ialah penjelasan yang dikemukakan oleh al-Hafiz Ibn Mandah (2006: 300) dengan sanad yang lengkap sebagaimana berikut:

وَسُئِلَ أَبُو زُرْعَةَ: أَيُّجُوزُ أَنْ يُقَالَ: لِلرَّبِّ عَزَّ وَجَلَّ يَدَيْنِ وَرِجْلَيْنِ؟ قَالَ: يُقَالُ كَمَا جَاءَ فِي الْخَبَرِ، وَهَكَذَا مَا جَاءَ فِي الْأَخْبَارِ مِثْلُ هَذَا. وَسُئِلَ عَنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ: الْكُرْسِيُّ مَوْضِعُ الْقَدَمَيْنِ، فَقَالَ: صَحِيحٌ، وَلَا نَقْسَرُ، نَقُولُ كَمَا جَاءَ وَكَمَا هُوَ فِي الْحَدِيثِ.

Terjemahan: Dan (Imam) Abu Zur`ah telah ditanya: Adakah harus untuk dikatakan: Allah `Azza wa Jalla memiliki dua tangan dan dua kaki? Beliau berkata (menjawab): Hendaklah dikatakan sebagaimana ia datang (dinaskan) dalam al-Khabar (al-Quran dan hadis yang sahih), dan demikianlah (juga tentang) apa sahaja yang datang (diriwayatkan)

dalam al-Akhbar (nas-nas al-Quran dan hadis-hadis sahih) adalah seumpama ini juga (iaitu mesti diriwayatkan sebagaimana riwayat asal). Dan beliau telah ditanya (juga) tentang hadis Ibn `Abbas (yang menjelaskan bahawa) al-Kursi adalah tempat letak dua kaki” lalu beliau pun berkata: (Hadis itu adalah) sahih, dan kami tidak pernah mentafsirkan (maksud hadis tersebut), kami sentiasa (berpada dengan) mengatakan sebagaimana ia datang (diriwayatkan) dan sebagaimana apa yang dinaskan di dalam hadis berkenaan.

Dalam menghuraikan pernyataan daripada Imam Abu Zur`ah di atas, al-Hafiz Ibn Mandah (2008: 300) menjelaskan bahawa beliau sendiri hanya meriwayatkan semua hadis yang berkaitan dengan *Sifat Khabariyyah* menerusi kitab *al-Tawhid* menurut lafaznya yang asal tanpa *tamthil*, tanpa *tashbih*, tanpa *takyif*, tanpa *qiyas* dan tanpa *ta`wil* sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh *al-Salaf al-Sadiq* daripada *al-Sahabah al-Sadiq* RA daripada Rasulullah SAW dan beliau berlepas diri daripada sesiapa sahaja yang menyalahi al-Quran dan sabdaan Rasulullah SAW.

Keseluruhan penjelasan di atas dikira sudah memadai untuk menjelaskan bahawa manhaj *Ithbat* ulama Salaf dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* menurut penjelasan Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari adalah berpaksikan kepada *al-Ithbat bi La Kayfiyyah*, bukannya manhaj *Ithbat* yang berkonsepkan *Tafwid al-Kayfiyyah*.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa manhaj *Ithbat* yang diterima pakai oleh ulama Salaf menurut penjelasan Imam al-Ash`ari dalam kitab *al-Ibanah* dan *Maqalat al-Islamiyyin* adalah berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf*, di mana *Sifat Khabariyyah* yang diisbatkan adalah terhad kepada sifat-sifat yang bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *sarih* dan hadis-hadis sahih yang diterima dengan ijmak ulama Salaf seperti sifat *istiwa`*, *wajh*, *yad*, *`ayn*, *maji`*, *ityan*, *nuzul* dan *qurb*. Antara ciri-ciri utama manhaj ini ialah mengisbatkan pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* sebagaimana yang layak bagi Allah SWT dengan menafikan kewujudan *kayfiyyat* (bentuk, rupa, ciri dan cara), tanpa tafsiran, tanpa *tamthil* (penyamaan), tanpa *tashbih* (penyerupaan), tanpa *ta`wil* (pengubahan pengertian zahir yang tidak bercanggah dengan kesucian Allah SWT daripada kekurangan seperti *nisyan* (lupa) dan berubah dari suatu keadaan kepada suatu keadaan serta menafikan *sifat al-huduth* (sifat-sifat baharu) seperti bertempat, berjisim, beranggota, bergerak dan berpindah tempat. Kajian ini turut menyimpulkan tiga ciri utama manhaj Salaf menurut perspektif Imam al-Ash`ari iaitu mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* yang berasal daripada ayat-ayat al-Quran yang *sarih* dan hadis-hadis sahih yang *mutawatir*, mensucikan Sifat Allah SWT daripada pengertian zahir yang bersifat *hissiyyah* dan *jismiyyah*, dan mengisbatkan sifat *Yad* dan sifat *`Ayn* dengan menggunakan lafaz *mufrad*. Sekali gus, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa manhaj *Ithbat* berkonsepkan *al-Ithbat bi La Kayf* adalah mempunyai perbezaan yang sangat jelas apabila dibandingkan dengan manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* yang menetapkan kewujudan *kayfiyyat* tertentu bagi Zat dan Sifat Allah SWT serta enggan menafikan *lawazim Sifat Khabariyyah* dan dalam masa yang sama telah mengisbatkan beberapa sifat Allah SWT tanpa menggunakan lafaz *mufrad* (tunggal) seperti *Yadayn* (dua tangan), *`Aynayn* (dua mata) dan *Qadamayn* (dua kaki).

Rujukan

Abid bin Muhammad Noor (2014), *Aqidah Yang Membawa Ke Syurga*, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.

Abu Hanifah, al-Nu'man b. Thabit "Matn al-Fiqh al-Akbar" di dalam: Mulla 'Ali al-Qari (2007), *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, c. 2, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Abu Shadi, Ibrahim (2007), *al-Ikhtiyarat al-'Aqa'idhiyyah li al-Imam al-Albani*, al-Qahirah: Dar al-Ghadd al-Jadid.

'Abd al-Ghani Yahya dan 'Umar Yusuf (ed.) (t.t), *Risalah al-Tawhid*, Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.

al-Ajurri, al-Imam Abu Bakr Muhammad b. al-Husayn (2005), *al-Shari'ah*, tq. Farid 'Abd al-'Aziz al-Jundi, al-Qahirah: Dar al-Hadith.

al-Ansari, Hammad ibn Muhammad "Muqaddimah al-Tab'ah al-Thaniyah" di dalam: al-Imam Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il al-Ash'ari (2010), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, tq. Bashir Muhammad 'Uyun, c. 4, Damshiq: Maktabah Dar al-Bayan.

al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (1998), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, ta'liq 'Abd Allah Mahmud Muhammad 'Umar, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2010), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, tq. Bashir Muhammad 'Uyun, c. 4, Damshiq: Maktabah Dar al-Bayan.

al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan (2009), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, tq. Ahmad Jad, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Hadith.

al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan (2002), "*Risalah ila Ahl al-Thaghr*", tq. 'Abd Allah Shakir Muhammad al-Junaydi, c. 2, al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.

al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2012), *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, ed. Muhammad Amin al-Dannawi, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Ash'ari "Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam" di dalam: al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2012), *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Bida'*, ed. Muhammad Amin al-Dannawi, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Azwira Abdul Aziz, Dr. (2011), *Pegangan Ahli Sunnah Dan Pendustaan Zamihan Terhadap Ulama Mereka*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Ikhlas Enterprise.

Al-'Asqalani, al-Hafiz Ahmad b. 'Ali b. Hajar (2000), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, tq. 'Abd al-'Aziz b. 'Abd Allah b. Baz, Shubra: Dar al-Taqwa li al-Turath.

al-'Asri, Sayf b. 'Ali (2010), *al-Qawl al-Tamam bi Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 2, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.

al-'Asri, Dr. Sayf b. 'Ali (2022), *al-Qawl al-Tamam bi Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 4, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.

al-Barrak, 'Abd al-Rahman b. Nasir (2006), *Tawdih Maqasid al-'Aqidah al-Wasitiyyah li Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*, ed. 'Abd al-Rahman b. Salih al-Sudays, al-Riyad: Dar al-Tadmuriyyah.

al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali (t.t), *al-Asma' wa al-Sifat*, tq. Fu'ad b. Siraj 'Abd al-Ghaffar, al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali (1999), *al-I'tiqadwa al-Hidayah ila Sabil al-Rashad*, tq. Abu 'Abd Allah Ahmad b. Ibrahim Aabu al-'Aynayn, al-Riyad: Dar al-Fadilah lim al-Nashr wa al-Tawzi'.

al-Bukhari, al-Imam Muhammad b. Isma'il (2010), *Sahih al-Bukhari*, al-Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi.

al-Darimi, al-Imam 'Uthman b. Sa'id "Radd al-Imam al-Darimi 'ala al-Marisi al-'Anid" di dalam: al-Nashshar, Prof. Dr. 'Ali Sami wa 'Ammar Jama'iy al-Talibi (2007), *'Aqa'id al-Salaf*, al-Qahirah: Dar al-Salam.

al-Dhahabi, al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad b. 'Uthman (2010), *Mukhtasar al-'Uluww li al-'Aliyy al-'Azim*, tq. Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Bayrut: al-Maktab al-Islami.

al-Fatani, al-Shaykh Dawud b. al-Shaykh 'Abd Allah (t.t), *al-Darr al-Thamin*, Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad (1994), *Ihya' 'Ulum al-Din*, c. 3, Bayrut: Dar al-Khayr.

al-Ghazali, Muhammad b. Muhammad "Iljam al-'Awamm 'an 'Ilm al-Kalam" di dalam: Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali (2011), *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, tq. Yasir Sulayman Abu Shadi, al-Qahirah: Dar al-Tawfiqiyyah li al-Turath.

al-Hakami, Hafiz Ahmad (2017), *Ma'arij al-Qabul bi Sharh Sullam al-Wusul ila 'Ilm al-Usul fi al-Tawhid*, al-Riyad: Dar al-Ifham li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Harras, Muhammad Khalil (2021), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, ta'liq Muhammad b. Salih al-'Uthaymin, c. 10, T.tp: al-Durar al-Saniyyah.

al-Husayni, Ibrahim Salih (2005), *Dala'il al-Tanzih fi Ibtal Bida' al-Ta'til wa al-Tajsim wa al-Tashbih*, Nigeria: Hay'ah al-Buhuth al-'Ilmiyyah Hay'ah Kibar al-'Ulama'.

al-Husayni, al-Shaykh 'Imad al-Din Jamil Halim (2012), *Lubab al-Nuqul fi Ta'wil Hadith al-Nuzul*, c. 2, Bayrut: Sharikat Dar al-Mashari'.

Ibn 'Asakir, al-Hafiz 'Ali b. al-Hasan b. Hibat Allah (2017), "*Tabyin Kadhhib al-Muftari fi Ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari*", al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.

- Ibn Hanbal, Imam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Ahmad b. Muhammad (2003), *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah wa al-Zanadiqah*, tq. Sabri b. Salamah Shahin, Riyad: Dar al-Thabat li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, al-Hafiz 'Imad al-Din Isma'il b. 'Umar (2017), *Kitab al-'Aqa'id*, tahqiq wa sharh: Dr. Diya' Muhammad al-Mashhadani, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr
- Ibn Kathir, al-Hafiz 'Imad al-Din Isma'il (1994), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Dimashq: Dar al-Fayha'.
- Ibn Khuzaymah, Abu Bakr Muhammad b. Ishaq (2018), *Kitab al-Tawhid wa Ithbat Sifat al-Rabb 'Azz wa Jall*, dirasah wa tahqiq: Dr. 'Abd al-'Aziz b. Ibrahim al-Shahwan, c. 10, al-Riyad: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- Ibn Mandah, al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ishaq b. Muhammad b. Yahya (2008), *Kitab al-Tawhid*, Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006), *Bada'i' al-Fawa'id*, tq. Sayyid 'Imran dan 'Amir Salah, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1988), *Ijtima' al-Juyush al-Islamiyyah 'ala Ghazw al-Mu'attilahwa al-Jahmiyyah*, tq. Dr. 'Awwad 'Abd Allah al-Mu'tiq, al-Riyad: Matabi' al-Farazdaq al-Tijariyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2004), *Mukhtasar al-Sawa'iq al-Mursalah 'ala al-Jahmiyyahwa al-Mu'attilah*, tq. al-Ustaz Sayyid 'Imran, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, al-Imam 'Abd Allah b. Ahmad (2002), *Dhamm al-Ta'wil*, ta'liq Muhammad b. Hamid b. 'Abd al-Wahhab, al-Iskandariyyah: Dar al-Basirah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Ahmad (1993), *al-Iklil fi al-Mutashabihwa al-Ta'wil*, ed. Muhammad al-ShaymiShahatah, Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (1993), *Sharh Hadith al-Nuzul*, tq. Muhammad 'Abd al-Rahman al-Khumays, al-Riyad: Dar al-'Asimah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (2000), *Majmu'ah al-Rasa'ilwaal-Masa'il*, tq. al-Sayyid Muhammad Rashid Rida, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (2001), *Sharh al-'Aqidah al-Asfahaniyyah*, tq. Sa'id b. Nasr b. Muhammad, al-Riyad: Maktab al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (2006), *Majmu'ah al-Fatawa*, tq. Farid 'Abd al-'Aziz al-Jundi wa Ashraf Jalal al-Sharqawi, j. 5, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (2021), *al-Mas'alah al-Hamawiyyah fi al-Isiwa' wa al-Sifat al-Khabariyyah*, tq. Dr. Daghs b. Shabib al-'Ajami, al-Kuwayt: Dar al-Khizanah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam, "Matnal-'Aqidah al-Wasitiyyah" di dalam: al-Shaykh Muhammad Khalil Harras (2021), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, ta'liq Muhammad b. Salih al-'Uthaymin, c. 10, T.tp: al-Durar al-Saniyyah.
- Ismail bin Omar (2017), *Manhaj Aqidah Ahli Assunnah Wal Jamaah*, c. 3, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Al-Jaza'iri, al-Shaykh Shams al-Din (20117), *Judhur al-Bala'*, c. 2, al-Jaza'ir: Dar al-Ma'rifah.
- al-Kalantani, al-Shaykh Muhammad 'Ali b. 'Abd al-Rahman b. 'Abd al-Ghafur Kutan (1396 H), *Zahrah al-Murid fi 'Aqa'id al-Tawhid*, c. 11, Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.
- al-Khallal, Abu Bakr Ahmad b. Muhammad Harun (2018), *al-Sunnah*, tq. Abu 'Abd Allah 'Adil b. 'Abd Allah Al Hamdan, c. 3, Jeddah: Dar al-Awraq wa al-Thaqafiyyah.
- al-Mahmud, Dr. 'Abd al-Rahman b. Salih (1995), *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Asha'irah*, al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Mandili, al-Shaykh 'Abd al-Qadir b. 'Abd al-Muttalib al-Andunisi (t.t), *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*, Pattani: Matba'ah Bin Hallabi.
- Mohd Haidhar Kamarzaman. 2019. Kesenambungan Akidah al-Ash'ari Terhadap Pendekatan Salaf Al-Salih Dalam Persoalan Sifat. International Journal of Islamic Thought, Vol. 16 (Dec.).
- Muhammad Rashidi b. Wahab. 2019. Pendalilan Mantik al-Ash'ari Dalam Akidah Ketuhanan. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar (2012), *Methode Penghujahan Al-Ash'ari Mendepani Aliran Menyeleweng*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 20 (2): 99-115.
- Osman Haji Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Naysaburi, Muslim b. al-Hajjaj (2005), *Sahih Muslim*, tq. Al-Shaykh Khalil Ma'mun Shiha, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Nukhbah min al-'Ulama' (2013), *al-Dalil al-Rashid ila Mutunn al-'Aqidah wa al-Tawhid*, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- al-Qaradawi, al-Imam Yusuf (2005), *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*, al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

- al-Qaradawi, Dr. Yusuf "Ta'qdim al-Shaykh al-'Allamah al-Faqih al-Duktur Yusuf al-Qaradawi" dalam: Sayf b. 'Ali al-'Asri (2010), *al-Qawl al-Tamam bi Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 2, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasah wa al-Nashr.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad al-Ansari (1996), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, c. 5, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rawi, Ahmad Mukhlis (2013), *al-Wasit fi 'Aqa'id al-Imam al-Ash'ari*, 'Amman: Dar al-Nur al-Mubin li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Rishwan Abu Zayd Mahmud (2021), *Qawl al-Salaf fi al-Sifat al-Khabariyyah wa al-Tafriqah Bayn Madhhab Ahl al-Sunnah wa Madhhabay al-Jahmiyyah wa al-Mujassimah*, c. 2, al-Qahirah: Dar Usul al-Din.
- al-Sabuni, Shaykh al-Islam Abu 'Uthman (t.t), *'Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadith*, ta'liq Muhammad b. Shams al-Din, T.tp: t.pt.
- al-Shatiri, al-Sayyid Muhammad b. Ahmad b. 'Umar (t.t), *Durus al-Tawhid*, T.tp: t.pt.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad b. Jarir (1992), *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad b. 'Isa b. Sawrah (2013), *Sunan al-Tirmidhi*, al-Mansurah: Dar al-Mawaddah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-'Uthaymin, Muhammad b. Salih b. Muhammad "Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah" di dalam: Nukhbah min al-'Ulama' (2013), *al-Dalil al-Rashid ila Mutunn al-'Aqidah wa al-Tawhid*, c.2, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- al-'Uthaymin, Muhammad b. Salih (2012), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, tq. Abu 'Abd al-Rahman Tal'at b. Ahmad Al 'Arafah, al-Qahirah: Maktabah Misr.
- al-Wahhab, Muhammad b. Hamid b. 'Abd al-Wahhab (2003), *Masa'il fi al-'Aqidah*, al-Qahirah: Maktab 'Ibad al-Rahman.
- Yasin b. al-Rabi' (2016), *Namazij min al-Tajsim wa al-Tashbih wa al-Takfir wa al-Tadlil wa al-Tazwir 'Ind al-Wahhabiyyah wa Ad'iya' al-Salafiyyah: Watha'iq Musawwarah min Kutubihim*, <https://www.facebook.com/yacine.ben.rabie>.